

BAB 3

SEJARAH PENENTUAN TARIKH-TARIKH PENTING DALAM SIRAH RASULULLAH SAW

3.1 Pendahuluan

Muhammad bin Abdullah adalah insan terpilih yang sangat berpengaruh dalam sejarah dunia. Baginda adalah Nabi dan Rasul terakhir yang telah diutuskan oleh Allah SWT sebagai petunjuk kepada manusia sehingga akhir zaman. Sirah Nabi Muhammad SAW adalah sejarah hidup baginda bermula dari kelahiran baginda sehinggalah kewafatan. Muhammad dilahirkan pada tahun Gajah¹ dalam keadaan yatim kerana ayahnya Abdullah bin Abdul Mutalib meninggal dunia ketika baginda masih berada dalam kandungan ibunya Aminah binti Wahab. Kemudian Aminah meninggal dunia ketika Muhammad berusia enam tahun², dan ketika usia baginda lapan tahun, datuknya Abdul Mutalib pula meninggal dunia³. Oleh itu, baginda telah dijaga oleh bapa saudaranya Abu Talib. Terdapat pelbagai catatan peristiwa sejarah dalam hidup Nabi dinukilkan oleh sejarawan Islam untuk dijadikan sebagai pengajaran dan rujukan umat Islam. Pengkaji telah mengambil catatan tarikh beberapa peristiwa penting dalam sirah Muhammad dan disesuaikan dengan kaedah takwim *Hijrī* terkini bagi mendapatkan fakta sejarah yang lebih relevan. Ini secara tidak langsung membantu dalam membentuk kriteria kenampakan hilal yang lebih praktikal melangkaui sejarah dan masa depan.

¹ Abā Ja‘far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī (1961), *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk*. Muḥammad Abū al-Faḍl Ibrahim (ed.), j.2. Mesir: Dār al-Ma‘ārif, h. 155.

² *Ibid.*, h. 165.

³ *Ibid.*, h. 166.

Bagi mendapatkan maklumat yang dikehendaki, pengkaji telah menyoroti sejarah penentuan tarikh-tarikh awal dunia sehingga tarikh kewafatan Nabi Muhammad SAW. Seterusnya, sejarah pembentukan dan pengaplikasian takwim Qamariyah juga diambilkira untuk mengukuhkan dapatan kajian.

3.2 Penentuan Tarikh Awal Dunia

Pada peringkat permulaan, waktu diukur berdasarkan tempoh masa di antara dua peristiwa besar yang berlaku yang diperturunkan dari satu generasi ke generasi berikutnya. Antara peristiwa besar yang dicatatkan oleh manusia adalah bermula dari waktu Nabi Adam a.s dikeluarkan dari syurga, pengutusan Nabi Nuh a.s, peristiwa banjir besar, Nabi Ibrahim a.s dibakar, pengutusan Nabi Yusuf a.s, pengutusan Nabi Musa a.s, kegemilangan kerajaan Nabi Sulaiman a.s, pengutusan Nabi Isa a.s sehinggalah pengutusan Rasulullah SAW. Terdapat juga peristiwa lain seperti, pembinaan Kaabah oleh Nabi Ibrahim dan anaknya Nabi Ismail a.s, terpisahnya kaum Ma'ad, keluarnya satu kaum dari Tihamah, kematian Ka'ab bin Lu'ai, Tahun Gajah sehinggalah hijrah Nabi Muhammad SAW⁴.

Peristiwa-peristiwa besar yang berlaku dicatatkan dalam al-Quran sebagai pengajaran kepada manusia. Peristiwa tersebut disebarkan secara lisan dan dijadikan sebagai pengukuran waktu oleh manusia. Antaranya ialah:

⁴ Jalāl al-Dīn 'Abd al-Rahmān bin Abī Bakr al-Suyūṭī (1990), *Al-Durr al-Manthūr fī al-Tafsīr al-Ma'thūr*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 122-123

3.2.1 Peristiwa Nabi Adam a.s dikeluarkan dari syurga dan diturunkan ke Bumi

فَأَزَلَّهُمَا الشَّيْطَانُ عَنْهَا فَأَخْرَجَهُمَا مِمَّا كَانَا فِيهِ وَقُلْنَا اهْبِطُوا
بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ وَلَكُمْ فِي الْأَرْضِ مُسْتَقَرٌّ وَمَتَاعٌ إِلَىٰ حِينٍ



“Setelah itu maka syaitan menggelincirkan mereka berdua dari syurga itu dan menyebabkan mereka dikeluarkan dari nikmat yang mereka telah berada di dalamnya dan Kami berfirman: "Turunlah kamu! Sebahagian dari kamu menjadi musuh kepada sebahagian yang lain dan bagi kamu semua disediakan tempat kediaman di bumi, serta mendapat kesenangan hingga ke suatu masa (mati)".

Surah al-Baqarah (2): 36

Nabi Adam a.s dan isteri baginda Hawa telah diturunkan ke bumi berikutan baginda a.s terpedaya dengan hasutan syaitan untuk memakan buah larangan dalam syurga⁵, maka dari situ bermula kehidupan manusia di bumi dan berkembang zuriat keturunan.

3.2.2 Peristiwa Banjir Besar

Keengganan kaum Nabi Nuh a.s terhadap ajaran baginda menyebabkan mereka telah ditenggelamkan dalam peristiwa banjir besar yang dahsyat⁶, sebagaimana firman Allah SWT:

⁵ Abā Ja‘far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī (1997), *Tafsīr al-Ṭabarī Jāmi‘ al-Bayān ‘an Ta’wīl Āyī al-Qur’ān*. Ibrahim Muḥammad al-‘Alī (ed.), j.1. Damsyik: Dār al-Qalam, h.196

⁶ *Ibid.*, j.6, h.67

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِ فَلَبِثَ فِيهِمْ أَلْفَ سَنَةٍ إِلَّا
خَمْسِينَ عَامًا فَأَخَذَهُمُ الطُّوفَانُ وَهُمْ ظَالِمُونَ ﴿١٤﴾

“Dan sesungguhnya Kami telah mengutus Nabi Nuh kepada kaumnya, maka tinggalah ia dalam kalangan mereka selama sembilan ratus lima puluh tahun; akhirnya mereka dibinasakan oleh taufan sedang mereka berkeadaan zalim (dengan kufur derhaka)”.

Surah al-‘Ankabūt (29): 14

Selain menyatakan bentuk bencana yang telah ditimpakan di atas kekufuran mereka, ayat ini turut menyatakan tempoh masa pengutusan nabi Nuh a.s adalah selama 950 tahun di mana tempoh ini juga dijadikan sebagai rujukan tarikh. Menurut satu riwayat dari Ibn ‘Abbās berkata: Nabi Nuh a.s diutuskan ketika berumur 40 tahun, baginda a.s tinggal bersama kaumnya selama 950 tahun dan hidup setelah peristiwa banjir besar selama 60 tahun sehingga manusia semakin banyak dan tersebar⁷

3.2.3 Peristiwa Kegemilangan Kerajaan Nabi Sulaiman a.s

Nabi Sulaiman memiliki kerajaan yang agung, memiliki teknologi yang maju pada zamannya. Di dalam istana baginda dihiasi dengan hasil-hasil seni yang menarik dan objek-objek lain yang bernilai dan mengagumkan sesiapa sahaja yang melihatnya⁸. Al-

⁷ Abī al-Fida’ Ismā‘īl bin ‘Umar bin Kathīr al-Qurashī al-Dimashqī (2004), *Tafsir al-Quran al-‘Azīm*. ‘Abd al-Qādir al-Arnā’wut (ed.), j.3, c.7. Riyadh: Dār al-Salam, h. 2146

⁸ Harun Yahya (2002), *Kaum-kaum yang pupus*. Rozalli Hashim (terj.). Kuala Lumpur: Saba Islamic Media, h. 130.

Quran menerangkan kehebatan istana ini dan kesannya ke atas ratu Saba' melalui ayat berikut:

قِيلَ لَهَا ادْخُلِي الصَّرْحَ ۖ فَلَمَّا رَأَتْهُ حَسِبَتْهُ لُجَّةً وَكَشَفَتْ عَنْ
سَاقِيهَا ۚ قَالَ إِنَّهُ صَرْحٌ مُّمَرَّدٌ مِّن قَوَارِيرَ ۖ قَالَتْ رَبِّ إِنِّي ظَلَمْتُ
نَفْسِي وَأَسْلَمْتُ مَعَ سُلَيْمَانَ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٤٤﴾

"(Setelah itu) dikatakan kepadanya: "Dipersilakan masuk ke dalam istana ini." Maka ketika ia melihatnya, disangkanya halaman istana itu sebuah kolam air, serta dia pun menyingsingkan pakaian dari dua betisnya. Nabi Sulaiman berkata: "Sebenarnya ini adalah sebuah istana yang diperbuat licin berkilat dari kaca". (Mendengar yang demikian), Balqis berdoa: "Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku telah menganiaya diri sendiri dan (sekarang aku menegaskan bahawa) aku berserah diri memeluk Islam bersama-sama Nabi Sulaiman, kepada Allah Tuhan sekalian alam".

Surah al-Naml (27): 44

Balqis merupakan ratu kerajaan Saba', Balqis hanya akur dan mula beriman dengan ajaran yang dibawa oleh baginda a.s tatkala terpegun dengan kehebatan istana nabi Sulaiman a.s⁹

3.2.4 Tempoh Masa *Ashab al-Kahfi* ditidurkan dalam Gua

⁹ Abā Ja'far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī (1997), *op.cit.*, j.5. h. 710-711

Terdapat perbezaan tarikh dalam tempoh masa mereka ditidurkan oleh Allah dalam hitungan takwim Syamsiah dengan takwim Qamariyah. Ini dinyatakan dalam firman Allah SWT dalam ayat yang berikut:

وَلَبِثُوا فِي كَهْفِهِمْ ثَلَاثَ مِائَةٍ سِنِينَ وَازْدَادُوا تِسْعًا

“Dan mereka telah tinggal tidur dalam gua mereka: Tiga ratus tahun dengan kiraan Ahli Kitab), dan sembilan lagi (dengan kiraan kamu)”.

Surah al-Kahfi (18): 25

Menurut tafsir Ibn Kathīr, ayat ini menerangkan tentang tempoh masa *Ashāb al-Kahfi* tinggal di dalam gua iaitu bermula dari waktu mereka ditidurkan oleh Allah sehingga dibangkitkan semula dan diperlihatkan kepada masyarakat ketika itu. Tempoh tersebut adalah 309 tahun berdasarkan takwim bulan dan 300 tahun berdasarkan takwim matahari. Perbezaan di antara setiap 100 tahun Qamariyah ke Syamsiah ialah tiga tahun, maka selepas 300 tahun Syamsiah menjadi 309 tahun Qamariyah¹⁰.

3.3 Penentuan Tarikh Masyarakat Arab Jahiliyah

Tiada takwim yang tetap digunakan dalam masyarakat Arab sebelum Islam, mereka menetapkan zaman mereka berdasarkan sejarah sempena pemerintahan sesuatu kerajaan dan peristiwa-peristiwa yang berlaku di dalam sesuatu kerajaan¹¹.

¹⁰ Abi al-Fida' Isma'il bin 'Umar bin Kathir (2004), *Tafsir al-Quran al-'Azim*. 'Abd al-Qadir al-Arnā'wut (ed.), j.3, c.6. Riyadh: Dār al-Salam, h. 1715.

¹¹ Jawād 'Ali (1968), *al-Mufasssal fī Tarīkh al-'Arab Qabl al-Islām*, j.1. Beirut: Dār al-'Ilm lilmilayin, h.46

Bagi masyarakat Arab Jahiliyah, mereka mencatatkan sejarah sempena peristiwa sejarah yang pelbagai¹². Ini kerana mereka terdiri dari pelbagai suku, oleh itu pelbagai peristiwa penting yang berlaku dalam suku mereka dijadikan sebagai tanda waktu. Antaranya ialah seperti suku bani Kinānah, mereka merujuk tarikh sempena kematian Ka'ab bin Lu'ai dan tahun gajah, dimana tempoh antara kedua-dua peristiwa ini adalah 125 tahun. Manakala bagi suku Quraish pula, mereka merujuk sempena kematian al-Walid bin al-Mughīrah bin 'Abd Allah bin 'Amrū bin Makhzūm, kematian Hishām bin al-Mughīrah, peristiwa pembinaan Kaabah, nabi Ibrahim dibakar dan terpisahnya kaum Ma'ad¹³.

Di samping bagi rujukan tahun pula, mereka merujuk sempena peristiwa besar yang berlaku pada tahun tersebut antaranya, peristiwa pembinaan Kaabah¹⁴, peristiwa banjir besar yang melanda Mekah, peristiwa tentera Abrahah menyerang Kaabah (Tahun Gajah)¹⁵, peristiwa kematian bapa saudara Nabi iaitu Abu Talib dan diikuti kematian isterinya yang dicintai Khadijah (Tahun Dukacita)¹⁶, peristiwa pembukaan Kota Mekah dan sebagainya.

Namun begitu, dikatakan juga masyarakat Arab Jahiliyah mencatatkan tarikh menggunakan takwim qamari berdasarkan fasa-fasa bulan, permulaan bulan dikira apabila anak bulan baru dapat dilihat dari ufuk barat selepas matahari terbenam, dan

¹² *Ibid.*, h.52

¹³ Al-Ṣafadī, *al-Wafī bi al-Wafayāt*, h. 4, CD al-Maktabah al-Shāmilah

¹⁴ Abī 'Abd Allah Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Bakr al-Qurṭubī (2006), *al-Jāmi' li ahkām al-Qur'an*. 'Abd Allah bin 'Abd al-Muḥsin al-Tarkī & Muḥammad Riḍwān 'Irqiswasi (ed.), j. 2. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, h. 391

¹⁵ Md Khair (1987), *Takwim Hijriah Khairiah*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 23

¹⁶ Safiur Rahman Mubarakfuri (1998), *When the Moon Split: A Biography of Prophet Muḥd SAW*. Tabassum Siraj et.all (ed.). Riyadh: Dār al-Salam, h.102

berterusan bulan sehingga anak bulan berikutnya dapat dilihat¹⁷. Namun, lebih 450 tahun sebelum kedatangan Islam mereka memasukkan amalan *al-Nasi'* dalam takwim mereka sehingga menyebabkan takwim Qamariyah tidak lagi mempunyai peraturan¹⁸. *Al-Nasi'* ialah amalan mengakhirkan dan mengawalkan bulan-bulan haram untuk menghalalkan peperangan mengikut hawa nafsu¹⁹. Selain itu, *al-Nasi'* juga membawa maksud *kabisah* iaitu penambahan satu bulan setiap tiga tahun bagi menyamakan takwim Qamariyah dengan takwim Syamsiah²⁰.

3.3.1 Amalan *al-Nasi'* Masyarakat Arab Jahiliyah

Sebelum kedatangan Islam masyarakat Arab Jahiliyah mengamalkan *al-Nasi'* dalam kehidupan mereka. *Al-Nasi'* ialah perbuatan orang-orang kafir mengundurkan empat bulan-bulan haram dan mereka mengubah bulan-bulan haram menjadi bulan halal dan sebaliknya²¹. Orang-orang kafir sebelum ini selalu mengubah-ubah bulan haram supaya mereka boleh berperang kerana kehidupan mereka bergantung dengan peperangan²². Bulan-bulan yang diharamkan berperang adalah bulan Zulkaedah, Zulhijjah, Muharam dan Rejab, amalan menghormati bulan-bulan haram ini telah diamalkan orang-orang

¹⁷ 'Alī 'Abandah (1998), *al-Falak wa al-Anwā' fī al-Turath*, (t.t): Da'rah al-Maktabah al-Wataniyyah, h. 340

¹⁸ Fazlur Rehman Shaikh (2002), *Chronology of The Prophetic Events*. New Delhi: Adam Publishers and Distributors, h. 27.

¹⁹ Ahmad al-Tājī (1978), *Sīrah al-Nabī al-'Arabī Muḥammad Rasulullah SAW*, j.2. Syarikah Maktabah wa Matba'ah Mustafā al-Babi al-Ḥalabi wa awladuhu: Mesir, h. 462

²⁰ Jawād 'Alī (1971), *al-Mufasssal fī Tarīkh al-'Arab Qabl al-Islām*, j.8. Beirut: Dār al-'Ilm lilmilayin, h. 492 -493

²¹ Lihat tafsiran surah al-Tawbah ayat 37 dalam *Tafsīr al-Ṭabarī*

²² Zulkifli Mohd Yusoff & Noor Naemah Abd. Rahman (2003), *Biografi Muhammad bin Abdullah*. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd, h. 440-443.

Arab sejak zaman Nabi Ibrahim a.s dan diteruskan sehingga kelahiran Nabi Muhammad SAW²³.

Seperti contoh dalam memulakan bulan Qamariyah, mereka telah memulakannya dengan bulan Muharam dengan menamakannya bulan Safar. Muharam dilewatkan untuk dijadikan bulan halal dan Safar diawalkan untuk dijadikan sebagai bulan haram. Pada tahun kedua mereka memulakan dengan bulan Safar dan dinamakan sebagai bulan Safar juga²⁴. Amalan ini dilakukan oleh suku Hawāzan, Ghaṭfān dan Banī Salīm²⁵.

Selain itu, masyarakat Arab Jahiliyyah turut mengundurkan ibadat haji dari waktu yang sepatutnya untuk diselarikan dengan tahun Syamsiah, mereka melewati pada setiap tahun 11 hari sehingga kitaran 33 tahun kembali kepada waktunya²⁶. Takwim Qamariyah masyarakat Arab Jahiliyah mengandungi 354 hari 12 bulan setahun²⁷, dan terdapat perbezaan sebanyak 11 ¼ hari dengan takwim Syamsiah dalam setahun. Perbezaan ini didapati semakin ketara pada setiap tahun terutamanya ketidakseragaman masa menuai atau memetik buah-buahan dengan masa menunaikan haji. Perbezaan ini telah menjejaskan keuntungan perniagaan mereka dengan sebab kurangnya bahan

²³ Kassim Bahali (2001), Tarikh Kelahiran Rasulullah SAW. (Kertas kerja persatuan falak syar'i Malaysia)

²⁴ Radzuan Nordin (2010), h. 97- 98.

²⁵ Lihat tafsiran surah al-Tawbah ayat 37 dalam *Tafsīr al-Ṭabarī*, hadis no. 16711

²⁶ Jawād 'Alī (1971), *op.cit*, h. 492

²⁷ *Ibid.*,

bekalan ketika musim haji²⁸. Justeru itu, bagi menyeragamkan kedua-dua takwim, mereka menambah satu bulan setiap tiga tahun²⁹.

Amalan *al-Nasi'* juga telah menyebabkan ibadat haji dilakukan bukan pada waktunya, ini seperti dijelaskan dalam hadis daripada Mujahid³⁰ yang mengatakan bahawa Allah telah mewajibkan haji pada bulan Zulhijjah. Orang-orang kafir menamakan bulan-bulan mereka dengan Zulhijjah, Muharam, Safar, Rabiulawal, Rabiulakhir, Jamadilawal, Jamadilakhir, Rejab, Syaaban, Ramadan, Syawal, Zulkaedah dan Zulhijjah, mereka mengerjakan haji padanya sekali, kemudian mereka mendiamkan Muharam dan tidak menyebutnya. Kemudian mereka kembali dan menamakan Safar dengan Safar, kemudian Rejab sebagai Jamadilakhir, kemudian Syaaban, Ramadan, kemudian Ramadan sebagai Syawal, kemudian Zulkaedah sebagai Syawal, kemudian Zulhijjah sebagai Zulkaedah, kemudian Muharam sebagai Zulhijjah dan mereka mengerjakan haji padanya, dan berterusan amalan ini menyebabkan mereka mengerjakan haji pada setiap satu bulan dua tahun sehingga haji Abu Bakar jatuh pada bulan Zulkaedah, diikuti haji Rasulullah SAW pada tahun seterusnya jatuh pada bulan Zulhijjah di mana Rasulullah SAW telah berkata dalam khutbah baginda: “Sesungguhnya putaran waktu telah kembali pada kedudukannya semasa Allah menjadikan langit dan bumi”.

²⁸ Radzuan Bin Nordin (2010), “Pembentukan Takwim Hijri Berdasarkan Hilal dan Kepentingannya terhadap Permasalahan Fiqh di Malaysia” (Tesis, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 97

²⁹ Jawād ‘Alī (1971), *op.cit*, h. 493

³⁰ Lihat tafsiran surah al-Tawbah ayat 37 dalam *Tafsīr al-Ṭabarī*, hadis no. 16713

Allah SWT telah membersihkan kitaran waktu pada khutbah haji *wadā'* nabi pada tahun ke 10 Hijrah³¹. Antara kandungan dalam khutbah tersebut adalah seperti berikut:

...أيها الناس أن النسئ زيادة في الكفر يضل به الذين كفروا يحلونهم عاما
ليواطئوا عدة ما حرم الله، وإن الزمان قد استدار كهيئته يوم خلق الله
السموات والأرض وإن عدة الشهور عند الله اثنا عشر شهرا في كتاب الله
يوم خلق الله السموات والأرض، منها أربعة حرم ثلاث متواليات وواحد
فرد: ذوالقعدة، وذوالحجة، والمحرم، ورجب الذي هو بين جمادى
وشعبان...³²

“Wahai manusia, sesungguhnya perbuatan al-Nasi’ adalah satu penambahan yang kufur oleh orang-orang kafir menyelewengkan perkara ini. Mereka mengharamkannya pada satu tahun dan menghalalkannya pada tahun yang lain untuk mereka melakukan perkara yang Allah haramkan. Dan sesungguhnya waktu itu telah berputar semula seperti keadaannya semasa Allah menciptakan langit dan bumi. Sesungguhnya bilangan bulan-bulan di sisi (hukum) Allah ialah dua belas bulan, (yang telah ditetapkan) dalam Kitab Allah semasa ia menciptakan langit dan bumi, di antaranya empat bulan yang dihormati, iaitu tiga bulan berturut-turut (Zulkaedah, Zulhijjah dan Muharam), dan satu berasingan di antara Jamadil dan Syaaban iaitu Rejab”

Setelah kedatangan Islam perbuatan *al-Nasi’* diharamkan oleh Allah sebagaimana firmanNya:

³¹ Jawād ‘Alī (1971), *op.cit*, h. 493

³² Sayyid Amīr ‘Alī (1968), *Rūḥ al-Islām*. ‘Amr al-Dīrāwī (ed.), c.2. Beirut: Dār al-‘Ilm lil milāyīn, h. 131.

إِنَّمَا النَّسِيءُ زِيَادَةٌ فِي الْكُفْرِ يُضَلُّ بِهِ الَّذِينَ كَفَرُوا يُحْلِلُونَ
 مَا حَرَّمَ اللَّهُ وَيُحَرِّمُونَ مَا حَرَّمَ اللَّهُ عِدَّةَ مَا حَرَّمَ اللَّهُ فَيَحْلِلُوا مَا حَرَّمَ
 اللَّهُ^{٣٣} زَيْنَ لَهُمْ سُوءُ أَعْمَلِهِمْ^{٣٤} وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ
 الْكَافِرِينَ

“Sesungguhnya perbuatan mengundurkan (kehormatan itu dari satu bulan ke satu bulan yang lain) adalah menambah kekufuran yang menjadikan orang-orang kafir itu tersesat kerananya. Mereka menghalalkannya pada satu tahun dan mengharamkannya pada tahun yang lain, supaya mereka dapat menyesuaikan bilangan (bulan-bulan yang empat) yang telah diharamkan Allah (berperang di dalamnya); dengan itu mereka menghalalkan apa yang telah diharamkan oleh Allah. Perbuatan buruk mereka itu dihias dan dijadikan indah (oleh Syaitan) untuk dipandang baik oleh mereka. Dan (ingatlah) Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada orang-orang yang kafir”.

Surah al-Tawbah (9): 37

Antara sebab-sebab ayat ini diturunkan ialah terdapat seorang lelaki dari kalangan bani Kinānah melakukan *al-Nasi'* dengan menjadikan Muharam sebagai Safar dan menghalalkan pada bulan itu untuk harta rampasan³³ (berperang). Di samping itu, satu riwayat daripada Abī Mālik menyatakan orang-orang kafir menjadikan dalam satu tahun mempunyai 13 bulan, mereka juga menjadikan Muharam sebagai Safar dan menghalalkan perbuatan yang diharamkan pada bulan tersebut³⁴.

Telah tetap bahawa bilangan bulan dalam Islam ialah 12 bulan sebagaimana firman Allah SWT:

³³ *Tafsīr al-Tabarī*, hadis no. 16709

³⁴ *Tafsīr al-Tabarī*, hadis no. 16715

إِنَّ عِدَّةَ الشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِي كِتَابِ اللَّهِ يَوْمَ
 خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرُمٌ ۚ ذَٰلِكَ الدِّينُ
 الْقَيِّمُ ۚ فَلَا تَظْلِمُوا فِيهِنَّ أَنْفُسَكُمْ ۚ وَقَتِلُوا الْمُشْرِكِينَ
 كَافَّةً كَمَا يُقْتُلُونَكُم كَافَّةً ۚ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ ﴿٦﴾

“Sesungguhnya bilangan bulan-bulan di sisi (hukum) Allah ialah dua belas bulan, (yang telah ditetapkan) dalam Kitab Allah semasa menciptakan langit dan bumi, di antaranya empat bulan yang dihormati. ketetapan yang demikian itu ialah agama yang betul lurus, maka janganlah kamu menganiaya diri kamu dalam bulan-bulan yang dihormati itu (dengan melanggar laranganNya); dan perangilah kaum kafir musyrik seluruhnya sebagaimana mereka memerangi kamu seluruhnya; dan ketahuilah sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang bertaqwa”

Surah al-Tawbah (9): 36

Maka pada 10 Hijrah amalan *al-Nasi'* yang telah diamalkan oleh masyarakat Arab Jahiliyah sebelum itu telah dimansuhkan dan kitaran tarikh telah kembali ke asal di mana dalam setahun hanya mengandungi 12 bulan sahaja.

3.3.2 Kekeliruan Kalendar Masyarakat Arab Mekah

Fazlur Rehman (2002)³⁵ mengemukakan pendapat beberapa cendekiawan yang mengulas tentang kalendar Masyarakat Arab antaranya ialah Dr. A Sprenger dari Jerman berpendapat kabisat tidak diamalkan di Mekah dan Tahun Arab menggunakan lunar tulen yang sentiasa berputar dan hilang satu tahun pada setiap 33 tahun, pendapat ini

³⁵ Fazlur Rehman Shaikh (2002), *op.cit.*, h. 4-5.

turut dipegang oleh Maḥmūd Bāshā al-Falākī seorang ahli astronomi Mesir. Tetapi, kenyataan ini adalah bertentangan dengan al-Qur'an yang menyatakan Arab Jahiliyah melakukan kabisat sehingga menyebabkan kekeliruan.

Ibn Ishāq berpendapat masyarakat Arab melakukan kabisat pada setiap tahun, pendapat ini turut disokong oleh Lane yang menyatakan Masyarakat Arab tidak menggunakan kabisat 13 bulan³⁶ tetapi sentiasa menambah 11 hari pada penghujung setiap tahun Lunar. Sementara itu, al-Azraqī, Ibn Ḥabīb dan Abū 'Ubayd menegaskan masyarakat Arab melakukan kabisat pada setiap dua tahun, tetapi tiada cendekiawan moden yang menyokong kenyataan ini.

Mas'ūdī seorang ahli sejarah mengatakan masyarakat Arab melakukan kabisat pada setiap tiga tahun, berdasarkan kenyataan ini Caussin de Perceval membangunkan satu model kalendar kabisat tiga tahun sekali.

Al-Biruni berpendapat hampir 200 tahun sebelum Islam, Hudhayfah iaitu orang Arab pertama yang melakukan *al-Nasi'* telah mengambil sistem kabisat daripada orang Yahudi yang melakukan *al-Nasi'* dengan menambah 9 bulan dalam 24 tahun supaya bulan mereka sentiasa sepadan pada masanya (jatuh pada waktu yang betul), perkara ini berterusan sehingga haji *wadā'* nabi SAW.

Tsybulsky seorang ahli astronomi Rusia berpendapat masyarakat Arab pra Islam menggunakan sistem lunisolar dimana tahun dikira berdasarkan matahari dan bulan

³⁶ Penambahan satu bulan yang menjadikan tahun tersebut mempunyai 13 bulan.

berdasarkan lunar. Tempoh lunar lebih pendek daripada matahari dalam 11 hari setahun, mereka memerhatikan sela waktu antara solar dan lunar serta menambah bulan tambahan pada tahun Lunar dimana setiap hari perbezaan dijumlahkan dalam keseluruhan satu bulan, akibatnya dalam satu kitaran 24 tahun terdapat 9 tahun kabisat.

Muhammad Asad seorang pakar al-Qur'an berpendapat masyarakat Arab menyelaraskan laluan dua tahun sepanjang lapan tahun. Beliau mengulas ayat al-Qur'an iaitu beliau berpendapat dalam usaha mereka (Arab Jahiliyah) untuk mengelakkan kerugian tertentu dalam perniagaan yang disebabkan oleh putaran musim dalam bulan-bulan Lunar, mereka menambah bulan ke 13 dalam tahun ke 3, ke 6, ke 8 dalam setiap tempoh 8 tahun untuk menyamakan kalendar Lunar dengan tahun Matahari. (Sistem 8 tahun ini adalah satu bahagian dalam kitaran 24 tahun yang telah disebutkan oleh al-Bīrūnī, oleh itu ia adalah sama)³⁷. Ini bermakna dalam kitaran 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 24 terdapat 9 bulan kabisat iaitu pada tahun ke 3, ke 6, ke 8, ke 11, ke 14, ke 16, ke 19, ke 22 dan ke 24

Hajji Khalifah menegaskan masyarakat Arab mengikut sistem Yahudi dalam kitaran 19 tahun kabisat dimana 7 bulan kabisat ditambah dalam kitaran tersebut³⁸. Ini bermakna dalam kitaran 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19 terdapat 7 tahun kabisat iaitu tahun ke 2, ke 5, ke 7, ke 10, ke 13, ke 16 dan ke 18. Selain itu, Dr. Hashim Amir 'Alī seorang pakar al-Qur'an terkemuka berpendapat masyarakat Arab melakukan kabisat setiap dua dan tiga tahun. Beliau berusaha

³⁷ Fazlur Rehman (2002), *op.cit.*, h. 29

³⁸ *Ibid.*

membangunkan kalendar untuk kurun Madinah, tetapi beliau tidak menyatakan sistem yang mana beliau percaya masyarakat Arab ikut sama ada kitaran 19 tahun atau kitaran 24 tahun (kerana dalam kedua-dua sistem kabisat ini dibuat pada jarak waktu antara dua dan tiga tahun).

Dr. Ḥamidullah berpendapat masyarakat Arab Jahiliyah menggunakan kitaran 30 tahun kabisat dan menambah satu bulan tambahan pada penghujung setiap tiga tahun Lunar sehingga tahun ke 30 diikuti oleh satu lagi kabisat luar pada penghujung tahun ke 31.

W. Montgomery Watt berpendapat masyarakat Arab pra-Islam mencerap bulan-bulan Lunar tetapi menyamakan kalendar mereka dengan tahun Matahari (solar) dengan memperkenalkan bulan-bulan tambahan apabila perlu. Perkara ini dirujuk pada petikan dalam al-Qur'an. W. Montgomery Watt juga menyatakan terdapat elemen gerak hati dalam sistem kabisat selain masyarakat Arab tiada sistem yang seragam dalam kabisat.

3.3.3 Kalendar Madinah (tahun Hijrah)

Terdapat hadis daripada Ibn 'Abbās r.a yang bermaksud Rasulullah SAW diutuskan ketika berumur 40 tahun³⁹, dan tinggal di sana (Mekah) selama 13 tahun. Kemudian

³⁹ Al-Ṭabarī (1961), *op.cit.*, h. 290

baginda diarahkan berhijrah ke Madinah dan tinggal di sana selama 10 tahun kemudian baginda wafat⁴⁰.

Persoalan sama ada masyarakat Islam mengamalkan kabisat pada 10 tahun pertama di Madinah terbahagi kepada dua pendapat. Pertama walaupun jika mereka memerhatikan bulan-bulan kabisat (diandaikan tiga), kiraan mereka menunjukkan tiada kabisat atau mereka berhati-hati dalam penggunaan kabisat. Kedua, terdapat dua sistem kalendar yang beroperasi secara serentak di semenanjung Arab menurut Winckler, D. Nelson, Ishaqun Nabi Alvi dan Dr. Ilyas, keempat-empat mereka bersandar pada Mas'ūdī yang mengatakan sistem tersebut ialah kalendar Mekah dan kalendar Madinah. Walau bagaimanapun maklumat tentang pengamalan sistem kalendar Arab pada ketika itu tidak cukup untuk seseorang menyatakannya dengan pasti⁴¹.

Oleh itu, seperti yang telah disebutkan sebelum ini pengamalan *al-Nasi'* (kabisat) ini menyebabkan peristiwa sejarah yang berlaku sebelum 10 Hijrah tidak dapat dicatatkan dengan tepat, ini terbukti apabila kebanyakan tarikh peristiwa sirah Nabi Muhammad SAW dicatatkan bercanggah dalam kitab-kitab sejarah.

⁴⁰ *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j. 2. Bāb Mab'as al-Nabī SAW, (T.T.P.): Dār al-Fikr, h. 238. Ibn Kathīr (1997), *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*. Aḥmad 'Abd al-Wahhāb Fātih (ed.), c.4. j.3. Kaherah: Dār al-Hadīth, h. 56

⁴¹ Lihat Fazlur Rehman (2002), *op.cit.*, h. 6

3.4 Tarikh Peristiwa-Peristiwa Penting dalam Sejarah Islam

3.4.1 Kelahiran Muhammad SAW

Terdapat beberapa percanggahan tarikh berkaitan dengan tarikh kelahiran nabi Muhammad SAW. Menurut Ibn Ishāq Rasulullah SAW dilahirkan pada hari Isnin, 12 Rabiulawal tahun Gajah⁴². Tiada percanggahan berhubung dengan hari serta tahun kelahiran baginda, Jumhur berpendapat baginda SAW dilahirkan pada hari Isnin tahun Gajah. Ini sebagaimana yang terdapat dalam hadis daripada Qatādah bahawa terdapat seorang lelaki Arab bertanya kepada nabi tentang puasa pada hari Isnin, baginda berkata: pada hari itu aku dilahirkan dan diutuskan⁴³. Jumhur mengatakan bahawa baginda SAW dilahirkan pada bulan Rabiulawal tetapi berbeza haribulan iaitu ada mengatakan 2 (Ibn ‘Abd al-Barr), 8 (al-Ḥumaidī daripada Ibn Ḥazm), 12 (Ibn Ishāq) dan 18 (Ibn Abi Shaibah dan Ibn ‘Abbās)⁴⁴.

Manakala bagi tahun Gajah pula, jumhur menyatakan selepas sebulan peristiwa serangan tentera bergajah ke atas Kaabah di Mekah, pendapat lain menyatakan 40 hari, dan 50 hari adalah paling masyhur. Daripada Abī Ja‘far al-Bāqir menyatakan tentera bergajah tiba pertengahan bulan Muharam dan nabi dilahirkan 55 malam selepas itu⁴⁵. Dalam Sirah Ibn Hishām menukikan daripada Ibn Ishāq berkata bahawa Hassan bin Thabit pernah menceritakan bahawa ketika beliau berumur 7 tahun dan masih kanak-

⁴² Lihat Abū Muḥammad ‘Abd al-Malik bin Hishām (1955), *al-Sīrah al-Nabawīyyah*. Muṣṭafa al-Saqā et al.(eds.), c. 2. Mesir: Syarikah Maktabah wa Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa auladihi, h. 158. Lihat al-Ṭabarī (1961), *op.cit.*, h. 156

⁴³ Ibn Kathīr (1981), *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, c.4, j.2. Beirut: Maktabah al-Ma‘ārif, h. 259

⁴⁴ *Ibid.*, h. 260

⁴⁵ *Ibid.*, h. 262

kanak tetapi cukup akal untuk berfikir apa yang didengari, beliau pernah mendengar seorang Yahudi berteriak atas satu kubu di Yathrib (Madinah) dan berkata kepada kaum Yahudi yang datang berkumpul bahawa pada malam itu telah terbit bintang Aḥmad yang muncul dengan kelahiran nabi SAW⁴⁶.

Memetik pendapat Maḥmūd Bāshā al-Falākī mengatakan Muhammad lahir pada pagi Isnin 9 Rabiulawal (20 April 571M)⁴⁷. Dalam kajian lain mencatatkan kelahiran nabi pada Isnin 12 Rabiulawal (17 Jun 569M)⁴⁸, dapatan lain menunjukkan pada pagi Isnin dalam musim bunga 9 Rabiulawal tahun Gajah (22 April 571M) , 50 ke 55 hari selepas serangan tentera bergajah Abrahah ke atas Kaabah⁴⁹.

3.4.2 Perkahwinan Muhammad SAW dengan Khadijah

Menurut Ibn Hisham, Rasulullah berumur 25 tahun ketika bernikah dengan Khadijah. Khadijah pula berumur 40 tahun, dikatakan juga beliau berumur 45 tahun⁵⁰. Al-Baihaqī menyatakan daripada al-Ḥākim bahawa umur Rasulullah ketika itu ialah 25 tahun dan Khadijah berumur 35 tahun dan dikatakan juga 25 tahun⁵¹. Pendapat-pendapat lain

⁴⁶ Abū Muḥammad ‘Abd al-Malik bin Hishām (1955), *al-Sīrah al-Nabawīyyah*. Muṣṭafā al-Saqā et al. (eds.), j.1 & 2, c. 2. Mesir: Syarikah Maktabah wa Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabi wa auladihi, h. 159.

⁴⁷ Lihat Aḥmad al-Tājī (1978), *op.cit.*, h. 61. Lihat Aḥmad Thalbī (1980). *Mawsu‘ah al-Tarīkh al-Islamī wa al-Ḥaḍārah al-Islāmīyyah*, c.9. Kaherah: Maktabah al-Nahḍah al-Misrīyyah, h. 184. Lihat ‘Ali Ibrahim Hasan (T.T), *al-Tarikh al-Islam al-‘Ām*. Kaherah: Maktabah al-Nahḍah al-Misrīyyah, h. 169

⁴⁸ Fazlur Rehman (2002), *op.cit.*, h. 23

⁴⁹ Safiur Rahman Mubarakpuri (1998), *op.cit.*, h. 21

⁵⁰ Ibn Hishām (1955), *op.cit.*, h. 187.

⁵¹ Ibn Kathīr (1981), *op.cit.*, h. 295

menyatakan umur Muhammad ketika itu sama ada 21 atau 30 tahun manakala Khadijah sama ada 45 atau 28 tahun⁵².

3.4.3 Muhammad SAW diutus menjadi Nabi

Menurut Ibn 'Abbās, 'Ikrimah, Ibn Ishāq, dan 'Amir al-Sha'bī, Rasulullah SAW diutuskan ketika berumur 40 tahun⁵³ pada bulan Ramadan⁵⁴. Satu riwayat dari al-Wāqidī dengan sanad daripada Abī Ja'far al-Bāqir mengatakan permulaan wahyu turun kepada Rasulullah SAW hari Isnin 17 Ramadan⁵⁵. Selain itu, satu riwayat daripada Ibn Mardawiyah menaqlikan kata-kata dari Imam Aḥmad bahawa al-Qur'an diturunkan pada 24 Ramadan⁵⁶.

Kajian terkini menyebutkan peristiwa tersebut berlaku pada hari Isnin, 21 malam Ramadan bersamaan 10 Ogos 610M, ketika itu umur Rasulullah SAW secara tepatnya ialah empat puluh tahun qamariyah enam bulan dan dua belas hari iaitu kira-kira 39 tahun syamsiyah tiga bulan 20 hari⁵⁷. Dapatan lain menyebutkan pada 18 Ramadan ketika nabi berumur 40 tahun bersamaan 22 Disember 609M⁵⁸.

⁵² Ibn Kathīr (1980), *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, c.3, j.5. Beirut: Maktabah al-Ma'ārīf, h. 293

⁵³ Lihat Ibn Hishām (1955), *op.cit.*, h. 233. Lihat Ibn Kathīr (1997), *op.cit.*, h. 55. Lihat Ali Ibrahim Hasan (T.T), *op.cit.*, h. 171

⁵⁴ Ibn Hisham (1955), *op.cit.*, h. 236.

⁵⁵ Lihat Ibn Kathīr (1997), *op.cit.*, h. 58. Lihat Ahmad Thalbi (1980), *op.cit.*, h. 188

⁵⁶ Ibn Kathīr (1997), *op.cit.*, h. 58.

⁵⁷ Şafī al-Rahmān al-Mubārakfūrī (2004), *al-Raḥīq al-Makhtūm*, c.6. Riyadh: Dār al-Salam, h. 80

⁵⁸ Fazlur Rehman Shaikh (2002), *op.cit.*, h. 48h

3.4.4 Perkahwinan Rasulullah SAW dengan ‘Āi’shah

Imam al-Bukhari menukikan daripada Hishām dari ayahnya bahawa Khadijah wafat sebelum tiga tahun hijrah nabi ke Madinah, kemudian dua tahun atau lebih kurang daripada itu (tidak lama selepas kewafatan Khadijah) nabi SAW berkahwin dengan ‘Āi’shah ketika ‘Āi’shah berumur enam tahun dan menggaulinya ketika ‘Āi’shah berusia sembilan tahun⁵⁹. ‘Āi’shah pernah menyatakan Rasulullah berkahwin dan menggauli beliau pada bulan Syawal⁶⁰. Manakala, Ibn Jarīr pula meriwayatkan bahawa nabi SAW menggauli ‘Āi’shah pada 7 bulan atau 8 bulan selepas hijrah⁶¹.

Pendapat lain menyatakan ‘Āi’shah dikahwini oleh Rasulullah SAW pada bulan Syawal tahun 11 kenabian selepas setahun perkahwinan baginda dengan Sawdah dan dua tahun lima bulan sebelum hijrah. Ketika baginda mengahwinyanya, umur ‘Āi’shah ialah enam tahun. Rasulullah SAW hidup bersama ‘Āi’shah pada bulan Syawal semasa di Madinah, iaitu tujuh bulan selepas hijrah. Ketika itu, ‘Āi’shah berumur sembilan tahun⁶².

3.4.5 Peristiwa Israk dan Mikraj

Ibn Ishāq menyatakan Israk berlaku selepas 10 tahun kenabian. Diriwayatkan oleh al-Baihaqī daripada Mūsā bin ‘Uqbah daripada al-Zuhri berkata: Rasulullah SAW Israk

⁵⁹ *Ṣaḥīḥ al-Bukhari*, j. 2. Bāb tazwīj al-Nabi SAW ‘Āi’shah wa Qudumiha al-Madinah wa bina’ihibiha. (T.T.P.); Dār al-Fikr, h. 252

⁶⁰ Ibn Kathīr (1997), *op.cit.*, h. 268

⁶¹ *Ibid.*, h. 269

⁶² Safiyyu al-Rahman al-Mubarakfuri (2011), *sirah Nabawiyyah*. Muhammad Ramzi Omar (terj.), c. 6. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia: Kuala Lumpur, h. 704

dalam sela masa setahun sebelum hijrah ke Madinah. Satu riwayat dari al-Ḥākim daripada al-'Āṣim daripada Aḥmad bin 'Abd al-Jabbār daripada Yūnus bin Bukair daripada 'Asbād bin Naṣr daripada Ismā'īl al-Sudī berkata: Difardukan ke atas Rasulullah SAW solat lima waktu malam Israk sebelum 16 bulan hijrah ke Madinah. Al-Sudī mengatakan Israk berlaku dalam bulan Zulkaedah, manakala al-Zuhri dan 'Urwah mengatakan pada bulan Rabiulawal, Ibn Kathir pula berpendapat pada malam 27 Rejab Israk berlaku⁶³.

Israk ialah perjalanan merentasi malam dari masjid al-Haram di Mekah ke masjid al-Aqsa di Baitul Maqdis⁶⁴. Mikraj pula ialah Jibril dan nabi naik ke dunia yang tertinggi dan melalui penghalang langit yang tertinggi dan melihat kerajaan Allah yang luas yang tidak pernah berlaku kepada manusia sebelumnya atau selepasnya secara mutlak⁶⁵.

3.4.6 Hijrah Rasulullah SAW ke Madinah

Semasa pemerintahan Saidina 'Umar r.a, permulaan tarikh dalam Islam ditentukan berdasarkan Hijrah Rasulullah SAW ke Madinah. Ini dijelaskan dalam hadis daripada Sahl bin Sa'dī yang bermaksud dipilih penanggalan tarikh bukan dari Nabi diutuskan bukan juga dari wafatnya baginda tetapi dari permulaan Madinah⁶⁶. Menurut Ibn Ishāq,

⁶³ Ibn Kathīr (1997), *op.cit.*, h. 155

⁶⁴ Aḥmad al-Tāji (1978), *Sīrah al-Nabī al-'Arabi Muhammad Rasulullah SAW*, j.2. Syarikah Maktabah wa Matba'ah Muṣṭafā al-Babi al-Halabi wa awladuhu: Mesir, h. 244

⁶⁵ *Ibid.*, h. 245

⁶⁶ *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j. 2. Bāb min aina arrakhu al-Tarīkh. (T.T.P.): Dār al-Fikr, h. 267

Rasulullah tiba di Madinah pada hari Isnin 12 Rabiulawal, ketika berumur 53 tahun⁶⁷ dan selepas 13 tahun kenabian⁶⁸.

Sheikh Maḥmūd al-Falaki⁶⁹ menyatakan permulaan tahun pertama Hijrah adalah dikira dari hari pertama baginda SAW masuk ke kampung Qubā' di pinggir bandar Yathrib (Madinah). Menurut beliau, baginda SAW masuk ke Qubā' pada hari Isnin 8 Rabiulawal bersamaan 20 September 622M⁷⁰. Sesetengah ahli-ahli falak Islam yang lain berpendapat baginda SAW masuk ke Qubā' pada hari Jumaat 24 September 622M. Muhammad Tahir Jalaluddin⁷¹ (1936) menyatakan hijrah Nabi dari Mekah ialah pada pagi Isnin 2 Rabiulawal tahun ke 13 kenabian ketika berusia 53 tahun 13 dan baginda tiba di Qubā' hari Isnin 9 Rabiulawal tahun hijrah bersamaan 20 September 622M⁷².

Tarikh lain Rasulullah SAW tiba di Qubā'⁷³ ialah pada hari Isnin 8 Rabiulawal 1H tahun ke 14 kenabian bersamaan 23 September 622M⁷⁴. Dapatan lain menunjukkan pada 12 Rabiulawal bersamaan 28 Jun 622M⁷⁵ dan 8 Rabiulawal bersamaan 20 September 622M ketika nabi berumur 53 tahun qamariyah dan tinggal di Qubā' empat hari iaitu, Isnin, Selasa, Rabu, Khamis⁷⁶. Kemudian baginda menuju ke Madinah pada subuh Jumaat bersamaan 12 Rabiulawal tahun 269 Arabiah bersamaan 24 September

⁶⁷ Ibn Hishām (1955), *op.cit.*, h. 590

⁶⁸ Ibn Hishām (1955), *op.cit.*, h. 590. Ibn Kathīr (1997), *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*. Aḥmad Abd al-Wahhāb Fatih (ed.), c.4. j.3. Kaherah: Dār al-Hadīth, h. 220

⁶⁹ Ahli falak Mesir yang terkenal dalam abad yang ke-20

⁷⁰ Kassim Bahali (1999), "Menyemak Tarikh-Tarikh Penting Sirah Rasulullah S.A.W: Analisa Komputer" (Kertas Kerja Muzakarah Falak Syarie).

⁷¹ Ahli falak Malaysia yang ulung

⁷² Md. Khair Md. Taib (1987), *op.cit.*, h. 23-24

⁷³ Jarak 2 batu dari Madinah, lihat Ahmad al-Taji (1978), *op.cit.*, h. 647

⁷⁴ Ṣafī al-Rahmān al-Mubārakfūrī (2004), *op.cit.*, h. 202

⁷⁵ Fazlur Rehman (2002), *op.cit.*, h. 49-50

⁷⁶ Aḥmad al-Tājī (1978), *op.cit.*, h. 647

622M. Baginda telah sembahyang Jumaat dengan Muhajirin dan Ansar, iaitu Jumaat pertama dalam Islam pada tempat yang dikenali sekarang dengan masjid Jumaat di Madinah⁷⁷.

3.4.7 Solat Jumaat Pertama Rasulullah SAW di Madinah

Apabila tiba di Qubā', Rasulullah SAW bermalam di sana selama empat malam iaitu hari Isnin, Selasa, Rabu dan Khamis. Ada berpendapat baginda bermalam di Qubā' selama 18 malam, beberapa belas malam, 22 malam dan al-Wāqidi berpendapat 14 malam⁷⁸. Imam Bukhari menukilkan beberapa belas malam⁷⁹

Di sana baginda mengasaskan Masjid Qubā' dan bersembahyang di dalamnya. Masjid Qubā' adalah masjid pertama yang dibina dalam Islam⁸⁰. Kemudian, pada hari Jumaat baginda bertolak menuju ke kota Madinah, dan semasa waktu solat Jumaat baginda sampai di kampung bani Salim bin 'Awf⁸¹. Di situ baginda bersolat bersama mereka di sebuah masjid di lembah Rānūnā'⁸², menurut Ibn Sa'ad baginda sembahyang Jumaat bersama-sama 100 orang jemaah⁸³. Ini adalah solat Jumaat pertama baginda di Madinah⁸⁴

⁷⁷ *Ibid.*

⁷⁸ Ibn Kathīr (1997), *op.cit.*, h. 238-239.

⁷⁹ Dalam *Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī* menyatakan baginda SAW tinggal di perkampungan bani 'Amru bin 'Awf selama beberapa belas malam dan mengasaskan masjid di sana yang dibina atas dasar takwa. Lihat dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j. 2. Bāb Hijrah al-Nabi SAW wa aṣḥabihi ila al-Madinah, (T.T.P.): Dār al-Fikr, h. 258.

⁸⁰ Ibn Hishām (1955), *op.cit.*, h. 494.

⁸¹ *Ibid*

⁸² Lembah Rānūnā' (tempat di antara Qubā' dan Madinah).

⁸³ Ibn Kathīr (1997), *op.cit.*, h. 239

⁸⁴ Lihat Ibn Hishām (1955), *op.cit.*, h. 494. Lihat al-Ṭabarī (1961), *op.cit.*, h. 394. Lihat Aḥmad Ṭhalbī

Pada hari Jumaat itu nabi SAW sendiri menyampaikan khutbah dalam solat Jumaat. Sebelum itu, sembahyang Jumaat sudah dilakukan oleh golongan Ansar di Madinah sebelum hijrah baginda SAW, mereka melihat orang Yahudi berkumpul pada setiap hari Sabtu manakala orang Nasrani berkumpul pada setiap hari Ahad, maka mereka memutuskan untuk berkumpul mengingati Allah dan bersembahyang dua rakaat pada hari Jumaat. Selepas itu, turun ayat surah al-Jumu'ah di mana Allah SWT membenarkan perbuatan mereka itu, Jumaat ini dipimpin oleh Sa'ad bin Zurarah⁸⁵ di Naqi' al-Khaḍimāt⁸⁶ bersama 40 orang lelaki⁸⁷. Ini adalah solat Jumaat pertama dalam Islam dan solat Jumaat Rasulullah SAW di bani Salim bin 'Awf dikenali sebagai solat Jumaat pertama baginda SAW apabila tiba di Madinah.

3.4.8 Hari Kematian Ibrahim ketika Gerhana Matahari

Ibrahim adalah putera nabi SAW bersama hambanya iaitu Mariyah binti Sham'un al-Qibṭiyyah⁸⁸. Mariyah al-Qibṭiyyah merupakan hadiah daripada Raja Muqauqis iaitu penguasa suku Qibṭi Mesir kepada Rasulullah SAW⁸⁹. Ibrahim dilahirkan pada bulan Zulhijjah tahun 8H⁹⁰.

(1980), *op.cit.*, h. 240.

⁸⁵ Lihat tafsiran surah al-Jumu'ah ayat 9 dalam tafsir Ibn 'Ajjibah (tafsir golongan sufi), CD al-Maktabah al-Shāmilah. Al-Mulla 'Alī al-Qārī dalam kitab *Mirqāṭu al-Mafātīḥ Sharḥ Mishkāt al-Maṣābīḥ*, CD al-Maktabah al-Shāmilah. Ahmad bin 'Alī al-Qalqashandī (1987), *Ṣubḥ al-A'shī fī Sinā'ah al-Inshā*. Yūsuf 'Alī Ṭawīl (ed.). Damsyik: Dār al-Fikr, CD al-Maktabah al-Shāmilah.

⁸⁶ Perkampungan suku Bayāḍah berhampiran Madinah, lihat dalam *al-Ma'mū' Sharḥ al-Muhadḥazzab* oleh al-Nawawī, CD al-Maktabah al-Shāmilah

⁸⁷ Lihat al-Nawawī, *al-Majmū' Sharḥ al-Muhadḥabb*. CD al-Maktabah al-Shāmilah, lihat nas asal:

"أول من جمع بنا في المدينة سعد بن زرارة قبل مقدم النبي صلى الله عليه وسلم المدينة في نقيع الخضعات قلت كم كنتم قال أربعون رجلاً"

⁸⁸ Ibn Kathīr (1980), *op.cit.*, h. 303

⁸⁹ Abdullah Hajjaj (2007), *Maria al-Qibthiyah The Forgotten Love of Muhammad SAW*. Risyan Nurhakim (terj.). Bandung: Mizania, h. 38

⁹⁰ Lihat Ibn Kathīr (1980), *op.cit.*, h. 307. Lihat Abdullah Hajjaj (2007), *op.cit.*, h. 74

Diriwayatkan oleh Jarīr dan Abu ‘Awānah bahawa Ibrahim wafat pada usia enam belas bulan dan dimakamkan di perkuburan Baqī’⁹¹. Ibn ‘Abbās menyatakan Ibrahim wafat pada usia 18 bulan⁹². Menurut al-Wāqidī, Ibrahim wafat pada hari Selasa 10 Rabiulawal tahun 10H ketika berusia 18 bulan⁹³.

Pada hari kematian Ibrahim telah berlaku gerhana matahari, maka orang ramai mengatakan bahawa gerhana tersebut berlaku kerana kematian Ibrahim, maka Rasulullah telah berkhutbah dalam khutbah baginda⁹⁴ sepertimana dalam hadis berikut:

حدثنا أبو الوليد قال حدثنا زائدة قال حدثنا زياد بن علقمة قال سمعت
المغيرة بن شعبة يقول انكسفت الشمس يوم مات إبراهيم فقال الناس
انكسفت لموت إبراهيم فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم إن الشمس
والقمر آيتان من آيات الله لا ينكسفان لموت أحدٍ ولا لحياته فإذا
رأيتموهما فادعوا الله وصلُّوا حتى ينجلي⁹⁵

*Al-Mughīrah ibn Shu‘bah r.a. berkata, “Ketika Ibrahim wafat terjadi gerhana matahari. Orang-orang kemudian berkata, ‘Gerhana ini terjadi kerana wafatnya Ibrahim,’ maka Rasulullah SAW bersabda, “sesungguhnya matahari dan bulan merupakan dua tanda kekuasaan Allah. Gerhana bulan dan matahari tidak terjadi kerana kematian atau hidupnya seseorang. Jika kalian menyaksikan gerhana, berdoalah kepada Allah dan solatlah sehingga gerhana tersebut selesai”*⁹⁶.

⁹¹ Ibn Kathīr (1980), *op.cit.*, h. 310

⁹² *Ibid.*, h. 307

⁹³ *Ibid.*, h. 311

⁹⁴ *Ibid.*

⁹⁵ *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j. 1. Bāb al-Du‘ā’ fī al-Khusūf . (T.T.P.): Dār al-Fikr, h. 30

⁹⁶ Ibn Hajar al-‘Asqalanī (2000), *Fath al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ Imām Bukhārī*, j.2. Riyadh: Dār al-Salam, h. 705

Mengikut kiraan astronomi tiada gerhana matahari boleh berlaku kecuali pada ketika ijtimak (*new moon*) dan bulan berada di satah ekliptik⁹⁷. Terdapat beberapa kajian terkini yang dibuatkan berdasarkan pengiraan gerhana matahari ketika kematian Ibrahim adalah jatuh pada 27 Januari 632M bersamaan 28 atau 29 Syawal tahun 10 Hijrah⁹⁸. Menurut kiraan Kassim Bahali, 27 Januari 632M adalah bersamaan 29 Syawal⁹⁹, manakala menurut Mohamad Zakuwa, 27 Januari 632M adalah bersamaan 28 Syawal¹⁰⁰. Dapatan lain menunjukkan pada 28 Rabiulakhir bersamaan Sabtu 3 Ogos 631M Ibrahim meninggal¹⁰¹.

3.4.9 Hari Wukuf ketika Haji *Wadā'*

Nabi berangkat ke Mina pada 8 Zulhijjah, kemudian baginda meninggalkan Mina selepas terbit matahari ke Arafah, satu khemah telah didirikan untuk baginda di lembah Namirah¹⁰². Setelah terbit matahari, pada 9 Zulhijjah, Rasulullah SAW telah pun menuju ke Padang Arafah yang terletak lebih kurang 21 kilometer ke timur Mekah maka bergemalah alunan talbiah, doa, bacaan al-Quran, tahlil, takbir dan tahmid untuk Allah. Berada di padang Arafah ini adalah salah satu rukun haji, tidak sah haji sekiranya tidak berwukuf. Nabi SAW telah berdiri di Arafah walaupun seketika¹⁰³.

⁹⁷ Kassim Bahali (1999), "Menyemak Tarikh-Tarikh Penting Sirah Rasulullah S.A.W: Analisa Komputer" (Kertas Kerja Muzakarah Falak Syarie).

⁹⁸ Safiyyu al-Rahman al-Mubarakfuri (2011), *op.cit.*, h. 705-706

⁹⁹ Kassim Bahali (1999), *op.cit.*

¹⁰⁰ Mohamad Zakuwa Rodzali & Saadan Man (2010), "Penentuan Tarikh Kematian Ibrahim Putera Rasulullah SAW daripada Perspektif Falak", *Jurnal Fiqh*, Bil. 7, h. 196

¹⁰¹ Fazlur Rehman (2002), *op.cit.*, h. 73

¹⁰² Safiur Rahman Mubarakpuri (1998), *op.cit.*, h. 299

¹⁰³ Husseiny bin Zamburi (2009), *Lahirnya Cahaya Kebenaran Sejarah Hidup Nabi Muhammad S.A.W.* Kuala Lumpur: al-Hidayah Publication, h. 878

Peristiwa Nabi SAW wukuf di Arafah, majoriti ulama sepakat mengatakan ia berlaku pada hari Jumaat 9 Zulhijjah¹⁰⁴ tahun kesepuluh Hijrah¹⁰⁵. Cuma berbeza tarikh dalam catatan kalendar Masihi. Kemudian baginda SAW telah menyampaikan khutbah terakhir dan turunnnya ayat berikut:

{ اليوم أكملت لكم دينكم وأتممت عليكم نعمتي ورضيت لكم الإسلام ديناً¹⁰⁶ }

Terdapat hadis dari ‘Umar al-Khattab yang menyatakan bahawa ketika ayat ini diturunkan adalah bersamaan dengan hari Jumaat iaitu:

حدثنا الحسن بن الصباح سمع جعفر بن عون حدثنا أبو العميس أخبرنا قيس بن مسلم عن طارق بن شهاب عن عمر بن الخطاب أن رجلاً من اليهود قال له: يا أمير المؤمنين آية في كتابكم تقرؤونها لو علينا معشر اليهود نزلت - لاتخذنا ذلك اليوم عيداً . قال أي آية ؟ قال { اليوم أكملت لكم دينكم وأتممت عليكم نعمتي ورضيت لكم الإسلام ديناً } . قال عمر قد عرفنا ذلك اليوم والمكان الذي نزل فيه على النبي صلى الله عليه وسلم وهو قائم بعرفة يوم الجمعة¹⁰⁷

Dari ‘Umar bin al-Khattab bahawa seorang Yahudi berkata kepada beliau: “Wahai Amirul Mukminin ada satu ayat di dalam kitab kalian yang kalian membacanya, sekiranya ayat tersebut turun pada Yahudi nescaya akan kami jadikannya hari perayaan kami”. ‘Umar bertanya, “Ayat yang manakah?” Yahudi itu berkata, “iaitu ayat yang berbunyi, “Pada hari ini telah kusempurnakan untuk kalian agama kalian dan aku cukupkan nikmat-Ku kepada kalian serta Aku redhai Islam sebagai agama kalian.” ‘Umar berkata, “kami telah mengetahui hari dan tempat

¹⁰⁴ Ibn Kathīr (1980), *op.cit.*, h. 112

¹⁰⁵ *Ibid.*, h. 110

¹⁰⁶ Surah al-Ma’idah (5): 3

¹⁰⁷ Imām al-Bukhārī (1987), *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar*. Muṣṭafā Dīb al-Bughā (ed.), c.3. Beirut: Dār Ibn Kathīr, h. 25

diturunkannya ayat ini kepada Nabi SAW dan beliau saat itu sedang berdiri (berkhutbah) di 'Arafah pada hari Jumaat'.

Wukuf hari Arafah adalah pada hari Jumaat 9 Zulhijjah tahun 10H, maka keesokan harinya pada 10 Zulhijjah 10H Rasulullah SAW telah menyampaikan khutbah haji wada' dimana kitaran tarikh telah kembali ke asal dan amalan *al-Nasi'* telah dihapuskan. Tarikh 10 Zulhijjah 10H penting kepada pengkaji untuk dijadikan rujukan dalam pengiraan peristiwa-peristiwa sirah nabi SAW yang berlaku sebelumnya. Selain itu, didapati daripada hari wukuf sampai kepada hari wafatnya Nabi Muhammad SAW adalah 81 malam sepertimana yang diperkatakan oleh Ibn Juraij iaitu¹⁰⁸:

حدثنا القاسم قال، حدثنا الحسين قال، حدثني حجاج، عن ابن جريج قال:
مكث النبي صلى الله عليه وسلم بعد ما نزلت هذه الآية، إحدى وثمانين ليلة،
قوله: "اليوم أكملت لكم دينكم".

Ibn Juraij berkata: Nabi SAW tinggal selama 81 malam selepas turunnya ayat ini, iaitu ayat “اليوم أكملت لكم دينكم”

3.4.10 Kewafatan Rasulullah SAW

Ibn 'Abbās menyatakan bahawa Rasulullah SAW tinggal di Mekah 13 tahun dan wafat ketika baginda berusia 63 tahun¹⁰⁹. Menurut Ibn Kathīr tiada khilaf bahawa Rasulullah

¹⁰⁸ al-Ṭabarī (2000), *Jāmi' al-Bayān fī Ta'wīl al-Qur'an*. Ahmad Muhammad Shākir (ed.), j.24. (T.T.P.): Mu'assasah al-Risālah, h.519. Lihat 'Abd al-Rahman bin al-Kamāl Jalāl al-Din al-Suyūṭī (1993), *al-Durr al-Manthūr*. Beirut: Dār al-Fikr, j. 3, h. 20 dalam CD maktabah al-Shamilah

¹⁰⁹ *Ṣaḥīḥ imam Bukhari*, j. 2. Bāb Hijrah al-Nabi SAW wa aṣḥabihi ila al-Madinah. (T.T.P.): Dar al-Fikr, h. 253. *Ṣaḥīḥ Muslim*, bab kam sinnu al-nabi yaumu qabadu

SAW wafat pada hari Isnin, baginda wafat di pangkuan ‘Āi’shah ketika gelincir matahari pada bulan Rabiulawal¹¹⁰.

Menurut al-Baihaqī, Rasulullah SAW sakit pada 22 malam Safar dan mula merasa sakit di sisi hamba baginda Raihanah. Hari pertama baginda sakit adalah hari Sabtu, dan baginda wafat hari kesepuluh iaitu hari Isnin 2 Rabiulawal dan genap 10 tahun ketibaan baginda ke Madinah. Menurut al-Wāqidī, Rasulullah SAW telah mengadu sakit yang teramat pada hari Rabu sebelas malam baki Safar¹¹¹ tahun 11H di rumah Zainab bin Jahsh, dan berada di sisi baginda isteri-isteri dan hamba-hamba perempuan baginda semuanya, baginda mengadu sakit selama tiga belas hari dan wafat pada hari Isnin 2 Rabiulawal tahun 11H¹¹². Menurut Ibn Ishāq, Rasulullah wafat pada 12 Rabiulawal pada hari baginda tiba di Madinah dan menyempurnakan hijrah baginda 10 tahun sempurna. Ibn ‘Abbās menyatakan ketika Rasulullah SAW menyelesaikan haji *wadā’* baginda kembali ke Madinah dan tinggal di sana baki Zulhijjah, Muharam, Safar dan meninggal dunia hari Isnin 10 Rabiulawal¹¹³. Juga terdapat pendapat menyatakan baginda SAW wafat ketika berumur 65 tahun tetapi pendapat yang paling *rājiḥ* adalah 63 tahun¹¹⁴.

Tarikh lain yang dicatatkan bagi kewafatan Rasulullah SAW ialah pada Isnin 13 Rabiulawal 11H (8 Jun 632M) ketika berumur 63 tahun¹¹⁵. Dapatan lain menyatakan

¹¹⁰ Ibn Kathīr (1980), *op.cit.*, h. 254

¹¹¹ Sama ada 18 atau 19 Safar menurut pemahaman pengkaji.

¹¹² Ibn Kathīr (1980), *op.cit.*, h. 255

¹¹³ *Ibid.*, h. 256

¹¹⁴ *Ibid.*, h. 259

¹¹⁵ ‘Alī Ibrāhīm Ḥasan (T.T), *op.cit.*, h. 213-214

baginda wafat pada hari Isnin 12 Rabiulawal 11H¹¹⁶, Di samping itu terdapat juga pendapat yang menyatakan saat kematian baginda ialah ketika matahari sudah meninggi pada hari Isnin 12 Rabiulawal 11H, usia baginda ketika itu genap 63 tahun empat hari¹¹⁷ atau bersamaan 8 Jun 632M¹¹⁸

3.5 Kesimpulan

Tarikh-tarikh peristiwa semasa hayat Rasulullah SAW kebanyakannya dikumpul oleh penulis biografi seperti Ibn Ishāq (150-153H), al-Wāqidī (207H), Ibn Hishām (213H), Ibn Sa‘d (230H), Ibn Ḥabīb (245H), al-Ṭabarī (310H)¹¹⁹, Ibn al-Qayyim (751H) dan Ibn Kathīr (774H). Seterusnya pendapat mereka ini digunakan oleh penulis biografi dan ahli falak dalam kajian tarikh sebenar peristiwa sirah Rasulullah SAW, antara mereka ialah Caussin de Perceval¹²⁰, Ishaqun Nabi Alvi¹²¹, Hashim Amir Ali¹²² Maḥmūd Bāshā al-Falākī¹²³ (1302H/1885M), ‘Alī Ibrāhīm Ḥasan¹²⁴, Aḥmad Thalbi¹²⁵, Aḥmad al-Tāji¹²⁶,

¹¹⁶ Aḥmad Thalbi (1980). *op.cit.*, h. 357

¹¹⁷ Ṣafī al-Rahmān al-Mubārakfūrī (2004), *op.cit.*, h. 564

¹¹⁸ Fazlur Rehman (2002), *op.cit.*, h. 75

¹¹⁹ Fazlur Rehman Shaikh (2002), *op.cit.*, h. 45.

¹²⁰ Perceval seorang pakar di mana catatan tarikh-tarikh beliau banyak digunakan oleh penulis dan cendekiawan masa kini. Beliau telah menerbitkan tesisnya di Perancis dalam Jurnal Asiatique di Paris pada April 1843, kemudian diterjemah dalam bahasa Enggeris dan menyerlah dalam kebudayaan Islam di Hyderabad pada April 1947 di bawah tajuk ‘*Notes on Arab calendar before Islam*’. Lihat Fazlur Rehman (2002), *op.cit.*, h. 11

¹²¹ Alvi telah menerbitkan hasil kerjanya dalam bentuk artikel dari Mei sehingga Disember 1964 dalam majalah bulanan Urdu iaitu Burhan. Kemudian artikel-artikel ini diolah dan diterjemah dalam bahasa Enggeris oleh Dr. A.R Bedar dan diterbitkan pada tahun 1968 di bawah tajuk ‘*The Arab calendar prevalent during the lifetime of Muhammad*’. Lihat Fazlur Rehman (2002), *op.cit.*, h. 11

¹²² Dr. Amir Ali menerbitkan hasil kerjanya dalam tahun 1977 di bawah tajuk ‘*Upstream Downstream Reconstruction of Islamic Chronology*’. Lihat Fazlur Rehman (2002), h. 11

¹²³ Kajian tarikh kelahiran nabi Muhammad SAW dibuat berdasarkan kiraan gerhana matahari yang berlaku pada 10H dan pengunduran 63 tahun kebelakang takwim hijri.

¹²⁴ Dr. ‘Alī Ibrāhīm Ḥasan ialah seorang pengajar sejarah Islam di fakulti Sastera di Universiti Kaherah Mesir, beliau juga merupakan penulis buku *al-Tarikh al-Islam al-‘Ām* yang turut memuatkan tentang sirah Rasulullah SAW, lihat ‘Alī Ibrāhīm Ḥasan (T.T), *al-Tarikh al-Islam al-‘Ām*. Kaherah: Maktabah al-Nahḍah al-Misriyyah, h. muka depan

Muhammad Hamidullah (2002)¹²⁷. Safiur Rahman al-Mubarakfuri¹²⁸ dan Fazlur Rehman Shaikh¹²⁹. Di Malaysia terdapat kajian tarikh sirah nabi Muhammad SAW yang dilakukan oleh ahli falak seperti Sheikh Tahir Jalaluddin (1956M), Md. Khair Md. Taib (1989M) dan Kassim Bahali¹³⁰.

Pengkaji cenderung mengambil tarikh dapatan yang diperoleh daripada kata-kata Ibn ‘Abbas. Ini kerana beliau atau nama sebenarnya ‘Abdullah bin ‘Abbas bin Abd al-Muttalib merupakan sepupu Rasulullah SAW, beliau adalah seorang yang alim sehingga diberi gelaran al-Bahr (lautan ilmu), dibesarkan dalam lingkungan keluarga Rasulullah SAW, banyak mendengar daripada nabi SAW dan menyaksikan kejadian dan latar belakang di mana ayat-ayat al-Quran diturunkan. Beliau juga sentiasa berdampingan dengan ramai sahabat besar dan mengambil banyak pengajaran daripada mereka¹³¹.

Dalam penulisan kitab sejarah banyak ambilan daripada pendapat Ibn Ishāq, tetapi kredibiliti Ibn Ishāq dipertikaikan kerana beliau adalah tokoh yang kontroversi dari segi

¹²⁵ Dr. Ahmad Thalbi ialah professor dan ketua bahagian sejarah dan tamadun Islam di Fakulti *Dar al-Ulum* Universiti Kaherah, beliau juga menulis buku *Mawsu‘ah al-Tarīkh al-Islamī wa al-Haḍārah al-Islāmīyyah* yang turut memuatkan tentang sirah Rasulullah SAW, lihat Ahmad Thalbi (1980). *Mawsu‘ah al-Tarīkh al-Islamī wa al-Haḍārah al-Islāmīyyah*, c.9. Kaherah: Maktabah al-Nahḍah al-Misriyyah, h. muka depan

¹²⁶ Ahmad al-Taji merupakan seorang professor dan penulis biografi Rasulullah SAW, lihat Ahmad al-Taji (1978), *Sirah al-Nabi al-‘Arabi Muhammad Rasulullah SAW*, j.2. Syarikah Maktabah wa Matba‘ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa awladuhu: Mesir

¹²⁷ Seorang tokoh ilmuan Islam dari India, Beliau banyak menghasilkan penulisan berkaitan sirah Nabi Muhammad SAW. Antara karya beliau ialah *The life and work of the Prophet of Islam* (1998), *Muhammad Ibn Ishaq, the biographer of the Holy Prophet* (Pakistan Historical Society. Publication) (1967) dan *Muhammad Rasulullah: A concise survey of the life and work of the founder of Islam* (1979).

¹²⁸ Pengiraan tarikh sirah Nabi SAW dibuat dengan pengunduran sistem takwim *hijrī* bermula dari 10H.

¹²⁹ Kajian tarikh sirah Nabi SAW dibuat dengan mengambil kira al-Nasi’ serta tahun 10H sebagai rujukan.

¹³⁰ Pengiraan tarikh lahir nabi dibuat berdasarkan takwim qamariyah tulen tanpa al-Nasi’ serta dikebelakangkan 53 tahun dari tahun pertama hijrah

¹³¹ Fauzi Deraman & Mustaffa Abdullah (2001), *Pengantar Usul Tafsir*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 37

periwayatannya¹³². Namun begitu, bagi pengkaji dapatan tarikh sirah Nabi SAW diambil dari Ibn Ishāq masih boleh dipertimbangkan dan diterima selagi mana ia tidak membabitkan akidah.

Kesahihan sesuatu cerita yang diriwayatkan dalam sirah Nabi Muhammad SAW amat penting dalam kajian pengkaji bagi mendapatkan fakta yang lebih tepat bagi memudahkan kajian. Sheikh Muḥammad bin Ṣālih al-‘Uthaymīn (1421H/2001M)¹³³, seorang tokoh ulama dari Arab Saudi berpendapat terdapat kemasukan unsur-unsur hawa nafsu dalam penceritaan kitab-kitab sejarah dahulu, iaitu penulisan yang berdasarkan kecenderungan terhadap sesuatu pihak atau pemerintah tertentu. Contohnya pada zaman pemerintahan bani ‘Umayyah, bagi pihak yang menyokong akan memuji dan menulis dari sudut positif, manakala bagi pihak yang menentang akan mengeji dan menulis dari sudut negatif. Dalam kisah sejarah nabi Muhammad SAW juga tidak terlepas daripada perkara ini, justeru beliau berpendapat kitab-kitab sejarah perlu diperbaiki bagi memperbetulkan fakta-fakta yang tidak tepat, namun kisah sejarah yang *thābit* dalam Ṣaḥīḥ al-Bukhārī dan Ṣaḥīḥ al-Muslim maka ia boleh dipegang¹³⁴. Beliau juga berpendapat antara kita sirah nabi yang terbaik untuk dijadikan rujukan ialah kitab *Zād al-Ma‘ād* oleh Ibn al-Qayyim dan kitab selepasnya iaitu *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*

¹³² Basshār ‘Awwād Ma‘rūf & Shu‘aib al-Arna’wūt (1997), *Ṭaḥrīr Taqrīb al-Tahzīb*, j.3. Beirut: Mu’assasah al-Risālah, h.212. Lihat juga _____ (1999), *Taqrīb al-Tahzīb*. Beirut: Mu’assasah al-Risālah, h. 403. Tambahan yang lain boleh rujuk laman web bertajuk Penilaian Semula Tarikh Kelahiran Dan Kewafatan Nabi Muhammad S.A.W. (Dipetik dari Siri Risalah Suluhan terbitan Darul Quran Was Sunnah dengan sedikit pindaan), www.DarulKautsar.net, 13 Jun 2012. Dalam pebincangan laman web ini kredibiliti Ibn Ishaq banyak diperbahas dan disangkal

¹³³ Subul al-Salaam, Biography al-Imaam Ibn ‘Uthaymeen, http://subulassalaam.com/scholars.cfm?shaykh_id=2, 13 Jun 2012

¹³⁴ Muḥammad bin Ṣālih al-‘Uthaymīn (t.t.), *al-Fatāwā al-Muḥimmah*. Salāh al-Dīn Maḥmūd (ed.). (T.T.P.): Maktabah Nur al-Huda, h. 833

oleh Ibn Kathīr¹³⁵. Berdasarkan pendapat beliau ini pengkaji telah menggunakan ambilan beberapa pendapat dalam Ṣaḥīḥ al-Bukhārī dan Ṣaḥīḥ al-Muslim yang bersesuaian dengan kajian ini serta kitab *al-Bidāyah wa al-Nihāyah* sebagai rujukan utama.

Di samping itu, pengkaji mendapati bahawa kajian-kajian berkaitan sirah nabi SAW yang dibuat oleh kebanyakan ahli falak adalah dengan pengunduran sistem takwim qamariyah tulen tanpa *al-Nasi'* bermula tahun 10H sebagai rujukan.

Berdasarkan dalil-dalil dan ambilan dapatan tarikh sepuluh peristiwa penting sirah Nabi Muhammad SAW yang telah disaring dan dipilih oleh pengkaji, maka analisis perbandingan tarikh akan dilakukan pada bab yang seterusnya berpandukan tarikh 10 Zulhijjah 10H¹³⁶ sebagai rujukan dalam pengiraan dan disesuaikan dengan pengiraan takwim *Hijrī* terkini.

¹³⁵ *Ibid.*, h. 834

¹³⁶ Tarikh di mana kitaran tarikh telah kembali ke asal dan amalan *al-Nasi'* telah dihapuskan.